

KARNIVAL BUKU DALAM TALIAN

Peluang dapatkan buku pengajian tanpa perlu keluar rumah dengan harga murah

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@nstp.com.my

Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) menganjurkan Karnival Buku Ilmiah Dalam Talian 2.0 (KABI 2.0) sehingga 12 November ini bagi membantu pelajar institut pengajian tinggi mendapatkan buku pengajian dengan harga yang lebih murah tanpa perlu keluar dari rumah sendiri.

Pelbagai pilihan buku dan tajuk ditawarkan pada karnival buku ilmiah itu bagi membolehkan pelajar peluang membuat pemilihan dengan lebih berkesan.

Pada edisi kali ini, MAPIM turut bekerjasama dengan platform marketplace Shopee sebagai rakan strategik dengan menganjurkan jualan MAPIM X Shopee yang akan diadakan bermula 26 Oktober hingga 11 November, iaitu acara kemuncak KABI 2.0.

Pengerusi Jawatankuasa Pemasaran MAPIM, Azman Hashim berkata, sejajar dengan pengajaran dalam talian dan penangguhan pendaftaran pelajar ke kampus secara fizikal sehingga wabak Covid-19 terkawal, karnival itu dan MAPIM X Shopee adalah platform terbaik



bagi pelajar mendapatkan bahan pembelajaran secara dalam talian.

Selain itu, ia juga menawarkan pelbagai pilihan dengan lebih 28 penerbit universiti dan juga swasta akan mengambil bahagian.

"MAPIM X Shopee juga memberi peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan bukan sahaja buku berbentuk akademik, malah genre buku yang lebih meluas dengan harga yang berpatutan.

"Pada 11.11 ini, lebih 15,000 judul buku ditawarkan dalam

KABI 2.0 dengan baucar pembelian, selain harga buku serendah RM11 ditawarkan oleh penerbit yang mengambil bahagian," katanya.

Menurut Azman lagi, selain aktiviti jualan dalam talian, karnival berkenaan turut menganjurkan pelbagai aktiviti berkaitan perbukuan antaranya slot bual bicara secara dalam talian Republika Merah; Aktiviti Larian, Berbasikal dan Baca (Virtual Run, Ride and Read - V3R) dan Hab Latihan MAPIM (MAPIM Training Hub-MATRAH).



AZMAN

ANTARA proses menyiapkan tempahan.

Katanya, semua aktiviti yang dilaksanakan dalam Republika Merah seperti bual bicara buku, sesi bersama penulis dan sebagainya akan dilaksanakan secara dalam talian melalui platform Facebook MAPIM.

"Bagi program (V3R 2020) pula, peserta boleh memilih sama ada untuk berlari lima kilometer (km) atau berbasikal (20km).

"Tarikh pendaftaran bagi program itu adalah sehingga 30 Oktober ini, manakala tempoh untuk membuat larian dan berbasikal sehingga 12 November depan.

"Setiap peserta akan menerima baju T, pingat, e-sijil dan baucar pembelian buku," katanya.

Sementara itu, MATRAH yang menganjurkan bengkel

dan latihan berkaitan penerbitan akan diadakan sepanjang pengumuman berkenaan.

Bengkel itu bagaimanapun akan mengenakan caj minimum kepada peserta dan ia juga akan dijalankan secara dalam talian.



BUKU ditempah siap untuk dipos.

MSIG Insurance salur RM20,000 bantu KKM

Sejumlah RM20,000 disalurkan MSIG Insurance (Malaysia) Bhd untuk membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menambah stok bekalan perubatan dan Peralatan Perlindungan Diri (PPE) kakitangan penjagaan kesihatan barisan hadapan di Sabah.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Chua Seck Guan berkata, Sabah berada di barisan hadapan dalam lonjakan kes COVID-19 terkini di Malaysia dan kakitangan penjagaan kesihatan

barisan hadapan di negeri ini berdepan dengan tekanan yang amat berat selama beberapa minggu ini.

"Sebagai warga korporat Malaysia, kami amat prihatin dengan kesejahteraan rakyat Malaysia pada masa susah dan senang, justeru kami merasakan perlu menjalankan tanggungjawab untuk membantu pasukan di Sabah yang tidak sedikit pun berasa gentar, mempertaruhkan kesihatan mereka sendiri

demasi memastikan keselamatan kita semua.

"Kementerian Kesihatan Malaysia sudahpun berusaha tanpa mengenal penat lelah untuk membendung penularan pandemik itu, jadi kami ingin melakukan sesuatu yang dapat mengurangkan sebahagian beban KKM, terutamanya di Sabah," katanya.

Sumbangan RM20,000 ini adalah sumbangan terkini syarikat berkenaan selepas membuat beberapa sumbangan berkaitan Covid-19 sebelumnya.



TEMPAHAN diteliti dan disiapkan sebaik mungkin.